

# Baik pulih empat pangsapuri

KPKT lulus RM7.1 juta bantu penduduk selesai masalah kemudahan rosak, daif

NUR FARHANA ABDUL MANAN

**PUCHONG** - Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) meluluskan peruntukan sebanyak RM7.1 juta untuk kerja baik pulih infrastruktur dan penyelenggaraan di empat pangsapuri sekitar Puchong di sini.

Menterinya, Tan Sri Noh Omar berkata, sebanyak RM4.4 juta diperuntukkan untuk membaikpulih *hand railing* di Blok A Taman Puchong Permai.

"Pangsapuri berusia lebih 20 tahun ini mempunyai 38 blok dengan jumlah penduduk hampir 6,000 orang.

"Banyak permohonan dibuat kepada kementerian namun buat masa ini kita akan

baiki *hand railing* dulu demi keselamatan penduduk.

"Permohonan lain termasuk kerosakan bumbung, cat blok pangsapuri yang diminta penduduk kita akan laksanakan sekiranya BN berjaya menang di Selangor," katanya ketika Lawatan Kerja ke Dun Seri Serdang, di sini petang semalam.

Kementeriannya turut meluluskan peruntukan sebanyak RM50,000 bagi keperluan Surau Ar Ra'ayah terletak berhampiran pangsapuri berkenaan.

Noh berkata, kementeriannya turut meluluskan peruntukan sebanyak RM1.2 juta bagi membaiki enam lif di Blok F, Taman Puchong Permai dan peruntukan sebanyak RM900,000 untuk kerja-kerja mengecat bangun-

an di Pangsapuri Pangsa Perdana, Puchong Perdana.

Menurutnya, peruntukan sebanyak RM600,000 pula diluluskan untuk kerja-kerja mengecat bangunan di Pangsapuri Garnet, Puchong Indah.

"Di sini (Pangsapuri Puchong Permai) ada minta macam-macam, kalau bumbung bagi...cat bagi...semua bagi...pilihan raya esok kalau kalah letih saja saya datang sedangkan orang lain yang tak turun padang, tak keluar duit satu sen pula jadi wakil rakyat, tak adil...kalau menang kita akan datang lagi ganti bumbung di sini.

"Kalau BN menang di Selangor, kita akan tunai apa yang rakyat mahu, kita ada manifesto khas untuk rakyat bandar, kerajaan li-



Foto: SHARIFUDIN ABDUL RAHIM

Noh ketika meninjau keadaan di Blok A Pangsapuri Kos Rendah Taman Puchong Permai ketika Lawatan Kerja ke Dun Seri Serdang, semalam.

hat perlunya beri pembelaan kepada rakyat tinggal di rumah kos rendah dan kos sederhana rendah," katanya.

Sementara itu, Koordinator Dun Seri Serdang, Datuk Dr Mohamad Satim Diman berterima ka-

sih kepada pihak kementerian yang prihatin untuk membantu rakyat di kawasan Puchong terutama di pangsapuri kos rendah.

Menurutnya, masalah kemudahan yang rosak dan daif di kawasan itu sudah mem-

bebani rakyat sejak lebih 20 tahun lalu.

"Masa BN pemerintah sebelum ini kita banyak bantu rakyat...bila bertukar kerajaan kekalutan banyak berlaku dan masalah rakyat tak dipedulikan," katanya.